

SURAT SETUJU TERIMA

MPC(PCT)100.2/6 Jld 2

30 November 2020

Aidan Technologies Sdn. Bhd.
 100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang,
 Taman Danau Kota, Setapak,
 53300 Kuala Lumpur
 (U/P : Khairul Anwar bin Mohamad Zaki)

Tel: 03 – 4143 0572
 Faks: 03 – 4149 0572

TAWARAN LANTIKAN UNTUK PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN KHIDMAT SOKONGAN BAGI PERISIAN ATAS TALIAN FORM BUILDER UNTUK KEGUNAAN IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebut harga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia: Tujuh Puluh Lima Ribu Dua Ratus Enam Puluh sahaja (RM 75,260.00) (termasuk SST).**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen rundingan harga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah:

Fasa Pembayaran & Perkara	Tarikh Pembayaran	Jumlah	6% SST	Jumlah termasuk 6% SST
Fasa Pertama: Perisian Borang Management System Framework	<i>Upon Purchase Order</i>	48,000.00	2,880.00	50,880.00
Fasa Kedua: <i>Other Services</i> Deployment of System Framework	<i>Upon all services are delivered</i>	23,000.00	1,380.00	24,380.00

Fasa Pembayaran & Perkara	Tarikh Pembayaran	Jumlah	6% SST	Jumlah termasuk 6% SST
• <i>Project Management</i> • <i>Training/Online Coaching</i>				
Jumlah keseluruhan		71,000.00	4,260.00	75,260.00

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses

Surat ini ditandatangani;

- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Sekiranya pihak tuan dalam apa-apa cara gagal membekalkan perkhidmatan kepada pihak MPC, maka penerimaan ini akan terbatal dan

selepas itu MPC tidaklah dengan apa-apa cara juga bertanggungjawab kepada pihak tuan.

7. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam **tempoh tujuh (7) hari** dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HJ ABU SEMAN)

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

1. **Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) Atau Pendaftaran Koperasi Dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) (jika berkaitan)**

- 1.1 No. Pendaftaran : 791404-P
- 1.2 Tempoh Sah Laku : Tidak dikenakan.

2. **Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berdaftar)**

- 2.1 No. Pendaftaran : K60953277852632330
- 2.2 Tempoh Sah Laku : 27/07/2020 - 26/07/2023
- 2.3 Kod Bidang : 210101,210102,210103,210104,210105,210106,210107,210108,210109,210201,210202,210203,221110
- 2.4 Taraf Syarikat : Bumiputera
- 2.5 Tempoh Sah Laku Taraf Bumiputera : 27/07/2020 - 26/07/2023

3. **Harga dan Tempoh Kontrak**

- 3.1 Harga Kontrak : RM 75,260.00
- 3.2 Tempoh Kontrak : 12 Bulan
- 3.3 Tarikh Mula Kontrak : 4 Januari 2021
- 3.4 Tarikh Tamat Kontrak : 4 Januari 2022

4. **Tempoh dan Jadual Penyempurnaan Perkhidmatan**

*Senarai item, kuantiti, jenis perkhidmatan dan/atau tempoh serta jadual penyempurnaan perkhidmatan yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

*Lampiran A2 (Jadual spesifikasi dalam dokumen Sebutharga) adalah untuk menyatakan tempoh atau jadual pembekalan mengikut tawaran syarikat – untuk tindakan MPC

5. **Bon Pelaksanaan**

(*diisi oleh pihak MPC)

- 5.1 Kadar Bon Pelaksanaan : Tidak dikenakan.
- 5.2 Formula Bon Pelaksanaan : Tidak dikenakan.
- 5.3 Nilai Bon Pelaksanaan : Tidak dikenakan.

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

Bagi

PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENTAULIAH DAN KHIDMAT SOKONGAN BAGI PERISIAN ATAS TALIAN FORM BUILDER UNTUK KEGUNAAN IBU PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

Saya.....NORHIDAYATI MD MUSI nombor K.P.....830209-10-5202 yang mewakili AIDAN TECHNOLOGIES SDN BHD nombor pendaftaran7914044P dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Perbadanan Produktiviti Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama : NORHIDAYATI MD MUSI

No. K.P.: 830209-10-5202

Cop Syarikat :

AIDAN TECHNOLOGIES SDN BHD
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang,
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel : (03) 4143 0572 Fax : (03) 4149 0572

**PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG
BERKAITAN OLEH SYARIKAT**

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan surat tersebut di atas salinannya yang mana telah disimpan.

 (tandatangan syarikat)

Nama Penuh : NDR HIDAYATI MD NUSI
No. Kad Pengenalan : 830209-10-5202
Alamat : 100-1, JALAN 2/23A, OFF JALAN
GENTING KLANG, 53300 SETAPAK, KL
Tarikh : 7/12/2020

 (Tandatangan wakil syarikat)
Nama Penuh : ELIANE2 BIND ABY SHUJA
No. Kad Pengenalan : 860914-30-5020
Alamat : 100-1, JALAN 2/23A, OFF JALAN
GENTING KLANG, 53300 SETAPAK, KL
Tarikh : 7/12/2020

Diberikan dengan sempurna untuk
menandatangani untuk dan bagi pihak :

AIDAN TECHNOLOGIES SDN BHD
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang,
Taman Danau Kota, 53300 Kuala Lumpur.
Tel.: (03) 4143 0572 Fax: (03) 4149 0572

Meterai atau Cop Syarikat
Tarikh: 7.12.2020